

01 JUN 2002

Mahathir-Saman

TERPULANG KEPADA TENAGA NASIONAL SELESAIKAN SAMAN BANK, KATA PM

KUALA LUMPUR, 1 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata terpulang kepada Tenaga Nasional Bhd untuk menangani saman terhadapnya oleh Union Bank of Switzerland (UBS) berikutan tindakannya memberhentikan perjanjian opsyen dengan bank itu berkaitan bon.

Perdana Menteri bagaimanapun enggan mengulas lanjut mengenai perkara itu dengan hanya berkata: "(Saya) tidak tahu. Terpulang pada mereka untuk menyelesaikannya."

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri majlis perkahwinan anak perempuan pengawal peribadinya Ismail Manaf di Taman Puchong Intan dekat sini. Isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali turut hadir.

Pasangan pengantin Zalindawati Ismail, 25, dan suaminya Mohamed Rizal Idris, 28, kedua-duanya merupakan kakitangan Arab Malaysian Bank Bhd.

Berikutan tindakan UBS menyaman Tenaga Nasional, harga saham syarikat utiliti itu semalam jatuh ke tahap paling rendah untuk tahun ini berikutan reaksi pelabur terhadap laporan berita mengenai tindakan mahkamah di London ke atas syarikat itu.

Tenaga Nasional pula telah memfailkan saman balas terhadap bank itu.

Saham Tenaga Nasional jatuh 90 sen atau 8.26 peratus kepada RM10 dengan 9.870 juta saham bernilai RM99.8 juta diniagakan.

Kes saman itu juga telah memberi kesan kepada Bursa Saham Kuala Lumpur semalam dengan Indeks Komposit rugi 17.57 mata atau 2.31 peratus kepada 741.76.

-- BERNAMA

HK ZS RON